

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : COVID-19

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 2,276 kes sembuh daripada jangkitan Covid-19 dicatatkan semalam, melebihi kes baharu iaitu 1,745 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh 280,707 kes atau 91.8 peratus manakala kes kumulatif jangkitan adalah 305,880 kes.

Beliau berkata, daripada sejumlah kes yang dicatatkan semalam, dua daripadanya adalah 'kes import

## 1,745 kes baharu direkodkan

yang membabitkan warga asing.

"Penularan kes tempatan pula adalah 1,743 kes iaitu 1,037 warganegara (59.5 peratus) dan 706 bukan warganegara (40.5 peratus).

"Kes aktif dengan kebolehjangkitan adalah 24,025 kes. Pesakit yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) sebanyak 195 kes manakala 95 kes memerlukan

bantuan pernafasan. "Dukacita terdapat tujuh kes kematian direkodkan

menjadi 1,148 kes kematian kumulatif atau 0.38 peratus," katanya dalam kenyataan media semalam.

Dr Noor Hisham berkata, tujuh kematian membabitkan enam warganegara dan seorang bukan warganegara.

Menurutnya, kes ke-

matian itu membabitkan dua kes di Kuala Lumpur dan masing-masing satu kes di Selangor, Sarawak, Sabah, Johor serta Kelantan.

Sementara itu, katanya, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 640 kes (36.7 peratus).

"Daripada jumlah ini, sebanyak 503 kes (78.6 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti oleh Johor sebanyak 376 kes (21.5 peratus) dan Sarawak sebanyak 139 kes (8.0 peratus)," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 47 kes (2.7 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di penjara.

Beliau berkata, kluster penjara berkenaan ialah Kluster Telok Mas (20 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (13 kes), Kluster Damai Pelangi (13 kes), dan Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (satu kes).

**"Tujuh kematian membabitkan enam warganegara dan seorang bukan warganegara"**  
Dr Noor Hisham



### Vaksin untuk anggota TLDM



**JURURAWAT** lelaki Hospital Angkatan Tentera Lumut, Azhar Ismail memasukkan vaksin Covid-19 jenis Pfizer-BioNTech ke dalam picagari yang digunakan untuk memberi suntikan kepada pegawai dan anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di Hospital Angkatan Tentera Lumut, Perak, semalam.

## Sijil vaksinasi pintar sebagai pengesahan

**Putrajaya:** Malaysia akan mengeluarkan sijil vaksinasi pintar sebagai dokumen pengesahan bagi individu yang menerima suntikan vaksin Covid-19, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, perkara itu dibincangkan dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi memastikan sijil berkenaan diterima negara lain.

"Saya adakan persidangan secara maya dengan WHO berhubung perkara ini dan sijil akan dikemas kini bagi memastikan ia memenuhi piawaian antarabangsa.

"Dalam masa sebulan kita laksanakan sijil ini sebagai pengesahan penerimaan suntikan vaksin Covid-19," katanya pada sidang media bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen

dan Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan di Kementerian Kesihatan (KKM) di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Dr Adham berkata, pengurusan suntikan vaksin Covid-19 di hospital swasta masih dalam proses perbincangan.

Ketika ini, katanya, hanya hospital kerajaan menyediakan suntikan vaksin itu secara percuma.

"Jika hospital swasta ingin menjalankan vaksinasi, pihak mereka perlu menggunakan saluran seperti Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Persatuan Perubatan Malaysia serta beberapa persatuan untuk proses liberalisasi," katanya yang menjangkakan perkara itu akan diputuskan pada fasa kedua Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

### GURU POSITIF COVID-19

# 20 kena kuarantin

Oleh Raja Noraina Raja Rahim  
nraina@hmetro.com.my

#### Kajang

Sejumlah 20 guru dan kakitangan sebuah sekolah kebangsaan di Kajang di sini, diarah kuarantin berikutan seorang guru sekolah itu dikesan positif Covid-19.

Guru terbabit dikatakan mendapat jangkitan dari-



**Beliau dijangkiti Covid-19 daripada abangnya yang disahkan positif pada tarikh berkenaan"**

Dr Noor Hisham

pada abangnya sebelum disahkan positif Isnin lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham

Abdullah berkata, kes berkenaan didaftarkan di Sepang, Selangor mengikut alamat tempat tinggalnya.

Menurutnya, kes kali terakhir ke sekolah pada 23 Februari lalu bagi membuat persiapan persekolahan.

"Beliau dijangkiti Covid-19 daripada abangnya yang disahkan positif pada tarikh berkenaan.

"Pada hari sama, beliau menjalani ujian saringan Covid-19 dan dikuarantin sehingga mendapat keputu-

san positif 1 Mac lalu," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, susulan itu seramai 20 kontak kepada kes semasa di sekolah sudah menjalani ujian calitan dan diarah kuarantin.

"Bagaimanapun, tiada murid yang terdedah kepada kes berkenaan," katanya.

Difahamkan, semua guru dan kakitangan terbabit dikuarantin bermula kelmarin sehingga 8 Mac ini.